

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	26/10/2018	MUKA SURAT	:
JABATAN	:	KATS / YBM / JPSM		14
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Sultan Nazrin berkenan masyhurkan destinasi ekopelancongan popular di Perak

# Lembah Kinta Geopark Kebangsaan

**POH** – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semalam berkenan memasyhurkan Geopark Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan.

Turut berangkat ke majlis yang berlangsung di Taman Rekreasi Gunung Lang di sini, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Hadir sama Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Tan Kar Hing.

Kawasan Geopark Lembah Kinta berkeluasan 1,952 hektar merangkumi daerah Kinta dan Kampar kini diletakkan di bawah pengurusan dan pemantauan Perbadanan Taman Negeri Perak dan telah diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan tahun lalu.

Kawasan Geopark Lembah Kinta yang kaya dengan warisan geologi, biologi, warisan dan sejarah di bawah seliaan perbadanan juga akan diperkenal-



**SULTAN NAZRIN** (dua dari kiri) dan Tuanku Zara (tiga dari kiri) melihat replika gua selepas Majlis Pemasyhuran Geopark Lembah Kinta di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh semalam. Hadir sama Xavier (kanan).

kan sebagai ikon untuk destinasi ekopelancongan, pelancongan marin dan geo tourism.

Terdahulu, Xavier dalam ucapannya berkata, kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM107 juta dalam Rancangan Malaysia ke-II untuk Projek Pe-

nilaian Potensi Pembangunan Geopark untuk pengkalkian dan pemuliharaan sumber semula jadi negara.

“Kementerian sebagai Jawa-tankuasa Geopark Kebangsaan sentiasa bersedia memberi bantuan dan kerjasama serta



**TASIK CERMIN** di Gunung Rapat, Ipoh antara destinasi pelancongan di kawasan Geopark Lembah Kinta. – Gambar hiasan

sokongan padu kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam agenda mewujudkan Geopark Kebangsaan.

“Pengiktirafan Geopark Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan akan merancakkan lagi rangkaian ekopelancongan sedia ada sekali gus menaikkan imej negeri dan negara,” ujarnya.

**INFO**  
Geopark Lembah Kinta

- Berkeluasan 1,952 hektar merangkumi daerah Kinta dan Kampar
- Terletak dalam landskap bukit-bukau yang kaya dengan nilai warisan semula jadi, saintifik, sejarah dan budaya setempat
- Antaranya produk pelancongan popular ialah Taman Rekreasi Gunung Lang, Tasik Cermim, Gua Tempurung, Gua Kartham, Gua Tambun, Kapal Korek Tanjung Tuaiang, Kelies Castle dan Jeram Sungai Kampar